

Allah beri ganjaran bagi setiap kebajikan

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

FIRMAN Allah SWT yang bermaksud: *Ahli-ahli Kitab itu tidaklah sama. Di antaranya ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada agama Allah yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang). Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh. Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertakwa.* (ali-Imran: 113-115)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SHEIKH Sya'rawi berkata: Allah SWT telah menggariskan bagi kebenaran tanpa menyebut kesemuanya. Ada di kalangan mereka mempunyai fikrah iman dengan rasul, fikrah iman dengan al-Quran dan ada yang beriman dengan kesemuanya kerana itu daripada keadilan Allah, memisahkan antara mereka yang ada iman dan mereka yang kekal dengan kekufuran.

Ayat ke-113

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Ahli-ahli Kitab itu tidaklah sama. Di antaranya ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada agama Allah yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang).*

Sebab Nuzul

Ibn Abbas menyatakan sebab turun ayat ini kerana Abdullah bin Salam dan kumpulannya memeluk Islam lantas pendeta Yahudi berkata: "Tidaklah beriman dengan Muhammad kecuali orang-orang kita."

Iktibar dan fiqh ayat

i. Perkataan umat yang berdiri mempunyai tiga tafsiran:



PERBUATAN baik seperti membantu mangsa kemalangan atau sekecil membuang paku di jalan raya akan diberi ganjaran oleh Allah.

- Adil. Inilah pendapat al-Hasan dan Ibn Juraij.
- Mentaati Allah SWT. Inilah pendapat al-Siddiq.
- Tetap atas urusan dan perintah Allah SWT. Inilah pendapat Ibn Abbas, al-Qatadah dan al-Rabi'.
- ii. Maksud membaca ayat-ayat al-Quran sepanjang malam ialah:
 - Banyak masa di waktu malam. Inilah pendapat al-Hasan dan al-Rabi'.
 - Di tengah malam. Inilah pendapat al-Suddiq.
- iii. Sheikh Mutawalli al-Sya'rawi menjadikan penutup ayat 113 di atas sebagai bukti bahawa yang dimaksud adalah orang-orang Yahudi yang telah memeluk agama Islam.

Ini kerana orang-orang Yahudi tidak mengenal solat malam. Dengan solat membuktikan mereka telah masuk Islam kerana hanya umat Islam yang mengenal solat malam.

iv. Hamka berkata: "Dan kita dapat menghargai pegangan mereka. Meskipun kita berpendapat kitab-kitab mereka telah bercampur aduk namun ayat yang asal dan tulen masih ada.

"Kita perhatikan dalam kitab Zabur dan Mazmur, ada ayat, doa dan munajat kepada Tuhan yang mendatangkan kekhusyukan bagi mereka apabila dibaca tengah malam dalam suasana sepi dan sunyi sehingga hati begitu dekat dengan Tuhan".

v. Al-Sonhadji berkata, setelah Allah SWT menerangkan sifat-sifat orang yang fasiq dan keburukan pekerti mereka maka Allah telah menyatakan pula sifat-sifat orang mukmin:

i. Ahli Kitab itu ada sekumpulan yang lurus (adil) tidak menganiaya seseorang atau menyalahi agama.

ii. Mereka membaca al-Quran dan solat tahajud.

iii. Dikhaskan sebutan sujud kerana di antara rukun-rukun sembahyang yang menandakan khusyuk dan tunduk

terhadap Allah SWT.

Ayat ke-114

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), dan mereka pula segera segera pada mengerjakan berbagai-bagai kebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya), adalah dari orang-orang yang soleh.*

Iktibar dan fiqh ayat

i. Al-Alusi berkata: "Allah mengkhususkan dengan hari Akhirat untuk menzhahirkan percanggahan dengan orang Yahudi sekalipun mereka mendakwa beriman tetapi mengkufurkan sebahagian kitab dan rasul".

ii. Al-Maraghi berkata: "Digunakan perkataan sur'ah dan bukan perkataan 'ajalah kerana perkataan yang pertama ini mendahulukan sesuatu yang wajar didahulukan lagi terpuji, dan perkataan yang berlawanan dengannya adalah menunda. Sedangkan perkataan 'ajalah bererti mendahulukan sesuatu yang tidak patut didahulukan (tergesa-gesa)".

iii. Hamka berkata: "Tuhan membuka mata kita untuk bersikap adil dan menghargai orang lain. Ini kerana masih terdapat orang-orang yang baik walaupun menganuti agama yang lain".

iv. Al-Sonhadji berkata: "Allah SWT menyebutkan sifat mereka selanjutnya: Mereka percaya kepada Allah SWT dan hari kemudian dengan cara yang diredai Allah berbeza dengan kepercayaan orang Yahudi.

"Mereka menyuruh berbuat makruf dan melarang kepada perkara yang mungkar dengan melengkapkan diri dengan ilmu amal. Bersegera melakukan perkara-perkara kebaikan dengan tidak

melambat-lambatkannya dan bermalas-malasan. "Hanya orang yang banyak alasan untuk mengerjakan kebaikan mempunyai hati yang sakit dalam diri mereka".

Ayat ke-115

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertakwa.*

Iktibar dan fiqh ayat

i. Ibn Kathir berkata: "Allah sekali-kali tidak mengabaikan balasan tetapi membalas dengan secukupnya bahkan sebanyak-banyaknya kepada yang melakukan kebaikan".

ii. Sheikh Sya'rawi berkata: "Allah membalas dengan adil tanpa sebarang kecuaiian. Justeru, kebaikan yang dilakukan oleh manusia sekalipun tidak diketahui oleh manusia atau diingkari sedangkan Allah Maha Mengetahui terhadap orang yang bertakwa".

iii. Al-Maraghi berkata: "Allah SWT akan menurunkan ganjaran kepada mereka yang beramal, menurut keadaan mereka yang hanya diketahui Allah SWT, dan sesuai dengan niat yang terkandung di hati mereka.

"Barang siapa yang memiliki iman yang benar dan bertaqwa kepada Allah SWT sudah pasti akan berhasil memperoleh kebahagiaan.

"Ayat ini merupakan dalil seperti sebelumnya kerana tidak adanya pemberian pahala terhadap mereka yang melakukan perbuatan yang baik. Kemungkinan besar kerana lupa atau kerana tidak tahu.

"Walau bagaimanapun, sifat ini tidak wajar terjadi pada Allah SWT sebab Dia Maha Mengetahui segala sesuatu. Atau boleh jadi Dia tidak memberikan pahala itu kerana Dia tidak mampu memberi, atau kikir, atau dia sendiri memang memerlukannya".

iv. Sheikh Muhammad Thair Ibn 'Asyur, majoiti ulama membaca ayat di atas dengan *wa ma taf'alu*, yakni apa sahaja yang kamu kerjakan. Berbeza dengan bacaan imam-imam qiraat Hamzah, al-Kisa'i dan Hafsh yang membacanya *wa ma yaf'alu* yang terjemahannya apa saja yang mereka kerjakan.

v. Hamka berkata: "Kalau iman dalam hati nescaya ayat ini mempengaruhi untuk berbuat amal dan kebajikan. Sedangkan ahli Kitab belum percaya kepada risalah dan nubuwah Muhammad SAW, belum mengenal al-Quran dan berdoa kepada Tuhan dengan isi kitab Mazmur".

Semoga kita menjadi orang yang beriman, melakukan amal makruf nahi munkar seterusnya berlumba dalam melakukan kebajikan. Amin.